

SMALL BUSINESS
ESSENTIALS

"Berhenti berpolitik Anwar, bantu kerajaan tangani COVID-19" - Faizal Azumu

Aida Aziz

Oktober 9, 2020 15:51 MYT



Semua orang termasuk Anwar harus bersama beri sokongan kepada Perdana Menteri untuk bantu rakyat bukan kerja untuk cari jalan kerja pecah belahkan sesama kita, kata Faizal Azumu. - Gambar fail

IPOH: Datuk Seri Anwar Ibrahim disaran 'berhenti' bermain politik dan menangguhkan rancangan untuk menukar kerajaan, sebaliknya, berganding bahu bersama-sama kerajaan membantu mencegah COVID-19.

Timbalan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, pada ketika ini, Anwar seharusnya membantu dan menyokong kepimpinan Perdana

Berita Berkaitan

[Lagi](#)

Rakyat harus bersedia rai proses demokrasi jika PRU15 lebih awal

Ahmad Faizal yang juga Menteri Besar Perak berkata, tindakan Presiden PKR itu mencetus isu perubahan tampuk kerajaan hanya akan mengundang ketidakstabilan kepada negara.

Beliau menegaskan, pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini lebih meruncing berbanding isu ahli politik yang kerap kali menimbulkan keresahan pada rakyat.

Dalam masa sama, Ahmad Faizal berkata, sebilangan besar rakyat sudah 'penat' dan muak dengan isu politik yang tidak berkesudahan.

"Kita harap tidak (perubahan kerajaan) dan saya fikir rakyat sudah tidak lalu nak tunggu depan TV siapa angkat sumpah dan sebagainya.

"Saya kira semua orang termasuk Datuk Seri Anwar marilah kita sama-sama cari jalan kerja bagi sokongan kuat kepada Tan Sri Muhyiddin untuk beliau terus dapat bantu rakyat bukan kerja untuk cari jalan kerja pecah belahkan sesama kita.

"Ini waktu untuk kita bersatu, untuk semua rakyat musuh kita yang lebih kuat sekarang di hadapan kita adalah virus yang boleh membunuh (COVID-19). Ini yang perlu kita selesaikan, selepas itu kalau nak politik balik politiklah," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (mou) di antara Digital Perak dan Multimedia Universiti (MMU) Cyberjaya di sini pada Jumaat



AWANI Pagi: Berita tumpuan & kemaskini COVID-19 [12 Okt 2020]



KKM hantar dua JTMP, sembilan juru X-ray ke Sabah - KP Kesihatan



COVID-19: Kes positif di seluruh dunia lempi 37 juta

Berita Terkini

Lagi



COVID-19: Itali rancang sekatan baharu selepas kenaikan kes



Rakyat harus bersedia rai proses demokrasi jika PRU15 lebih awal



COVID-19: Trump dakwa dirinya imun



Lelaki warga emas rentung dalam kebakaran rumah



KKM hantar dua JTMP, sembilan juru X-ray ke Sabah - KP Kesihatan

Dapatkan berita terkini melalui emel anda



Emel Anda

DAFTAR



TERKINI

ENGLISH

MALAYSIA

DUNIA

POLITIK

VIDEO

HIBURAN

LAIN



Ahmad Faizal berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ahli Parlimen Port Dickson itu yang sudah mendapat perkenan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah pada 13 Oktober ini.





TERKINI

ENGLISH

MALAYSIA

DUNIA

POLITIK

VIDEO

HIBURAN

LAIN



Dalam kenyataan pada Khamis, Anwar yang juga Ketua Pembangkang berkata, beliau akan mempersembahkan keterangan lengkap mengenai jumlah majoriti Ahli Parlimen yang didakwa

menyokongnya seperti dinyatakan pada 23 September lalu.

Dengan itu, kata Anwar, langkah yang sebelum ini tertangguh kini dapat dilaksanakan selepas mendapat perkenan menghadap Yang di-Pertuan Agong.

[BACA: Tun Mahathir, Pejuang tiada dalam majoriti - Anwar Ibrahim](#)

[BACA: Sokongan jadi perdana menteri, saya boleh - Anwar Ibrahim](#)


[#COVID19](#) [#Anwar Ibrahim](#) [#kerajaan baharu](#) [#Presiden PKR](#)
[#Ahmad Faizal Azumu](#) [#Menteri Besar Perak](#) [#tampuk kerajaan](#)

Juga Menarik Dari Laman Web




Online MBA degrees in Ipoh. The cost may...

Online MBA ...




Invest now \$ 250 in Companies Like Netfli...

Smart Invest



Investing only \$ 250 in companie...

marketingian...



Pierce Brosnan's James Bond-...

Mansion Global



Selena Gomez Sells Los Angeles Cottage fo...

Mansion Global

Recommended by



POLISI PRIVASI

TERMA PENGGUNAAN

PELABUR



© 2020 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.